

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL: KETAMAAN DAN KERANGAN DALAM PENGURUSAN SAWIT DI KALANGAN PARA PENEROKA SAWIT DI FELDA LOK HENG, DAERAH KOTA TINGGI, JOHOR.

IJAZAH: IJAZAH SARJANA MUDA SAINS PERTANIAN DENGAN KEPNUJIAN

SAYA: SITI FATIMATUDDAHRAA BINTI MOHD SHAHRIDIN SESI PENGAJIAN: 2010 - 2014
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan oleh:


 NORAZLYNNE MOHD JOHAN @ JACKLYNE
~~PUSTAKAWAN~~

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

(TANDATANGAN PENULIS)Alamat Tetap: J-1, RUMAHKAKITANGAN KILANG SAWITFELDA LOK HENG, 81900KOTA TINGGI, JOHORDR. ABDUL RAHIM KWANG

(NAMA PENYELIA)

TARIKH: 15/11/2014

Catatan:

- *Potong yang tidak berkenaan.
- *Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.
- *Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).


UMS
 UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**KEUTAMAAN DAN KEKANGAN DALAM
PENGURUSAN SAWIT DI KALANGAN PARA PENEROKA SAWIT
DI FELDA LOK HENG, DAERAH KOTA TINGGI, JOHOR**

SITI FATIMATUZZAHRAA BINTI MOHD SHAHRIDIN

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA
SAINS PERTANIAN DENGAN KEPUJIAN**

**PROGRAM PENGETAHUAN DAN KEMahiran
SEKOLAH PERTANIAN LESTARI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2014**

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya. Saya juga mengakui bahawa disertasi ini tidak pernah atau sedang dihantar untuk perolehi ijazah dari universiti ini atau mana universiti yang lain.



Siti Fatimatuzzahraa Binti Mohd Shahridin

BR10110072

17 Januari 2014


DIPERAKUKAN OLEH

1. DR. ABDUL RAHIM AWANG
PENYELIA




Tandatangan dan cop
DR ABDUL RAHIM BIN AWANG
Pensyarah / Penasihat Akademik
Sekolah Pertanian Lestari
Universiti Malaysia Sabah

2. DR. BONAVENTURE BONIFACE
PEMERIKSA 1




Tandatangan dan cop
DR. BONAVENTURE BONIFACE
PENSYARAH / PENASIHAT AKADEMIK
SEKOLAH PERTANIAN LESTARI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

3. CIK SHAHIDA BINTI MOHD SHARIF
PEMERIKSA 2



Tandatangan dan cop
SHAHIDA BINTI MOHD. SHARIF
LECTURER/ACADEMIC ADVISOR
SCHOOL OF SUSTAINABLE AGRICULTURE
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

4. DR. SITI RAEHANAH BINTI MUHAMAD SHALEH
DEKAN SEKOLAH PERTANIAN LESTARI



Tandatangan dan cop

PENGHARGAAN

Setinggi puji dan syukur saya hamparkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya, maka dapatlah saya menyiapkan tugas projek tahun akhir ini mengikut waktu yang telah ditetapkan.

Pertamanya, setinggi-tinggi ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan kepada penyelia projek saya iaitu Dr Abdul Rahim Bin Awang dan pensyarah SPL yang banyak membimbing, memberi tunjuk ajar dan menjadi pendorong dalam menjayakan dan melaksanakan projek ini. Tidak dilupakan, terima kasih buat En Samsubaha Bin Jantan, pengurus Felda Lok Heng Timur, dan para responden kajian iaitu para peneroka Felda Lok Heng.

Buat insan teristimewa dalam hidup saya, En Mohd Shahridin b. Subohi dan Pn Absah bt Abdullah, syukran jazilan kerana banyak bersabar dalam melayan kerena puterimu ini. Tidak dilupakan teman suka duka, Umi Najiah, Siti Hazami dan Umi Nazrah serta teman-teman seangkatan yang telah banyak membantu dan memberi semangat dalam proses menyiapkan kajian ini. Ukhuwah fillah abadan abada.

Akhir kalam, jutaan terima kasih buat semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung. Semoga Allah membala segala budi dan jasa yang telah diberikan.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Kajian ini telah dijalankan di sebuah gugusan Felda iaitu Felda Lok Heng Timur yang terletak di Mukim Sedili Kecil di Daerah Kota Tinggi, Johor. Seramai 50 orang peneroka telah dipilih secara rawak sebagai responden kajian iaitu ketua isi rumah bagi setiap keluarga peneroka. Mereka dipilih secara rawak. Lokasi kajian dipilih untuk mengkaji dan memenuhi objektif utama iaitu untuk mengetahui perkara yang menjadi keutamaan dankekangan yang dihadapi oleh para peneroka sawit yang berada di bawah Skim FELDA. Kajian juga ingin mengenalpasti hubungan antara latarbelakang demografi para responden dengan persepsi mereka terhadap kekangan-kekangan dan keutamaan-keutamaan yang diperlukan dalam melaksanakan kegiatan penanaman sawit. Kajian dijalankan menggunakan kaedah tinjauan keratan rentas. Pengumpulan data dijalankan dengan mengedarkan borang soal selidik kepada peneroka terpilih dan data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi iaitu ujian kolerasi *Spearman's rank* dan *Kendall's tau*. Hasil kajian menunjukkan bahawa dalam pengurusan tanaman sawit yang berkesan kekangan utama yang dihadapi oleh para peneroka adalah hasil sawit yang rendah dan tidak sekata manakala keutamaan yang sangat diperlukan adalah akses terhadap benih sawit yang berkualiti. Dari segi hubungan, analisis menunjukkan tiada hubungan bererti diantara latarbelakang demografi peneroka dengan persepsi mereka terhadap kekangan-kekangan yang dihadapi dan keutamaan-keutamaan yang sangat diperlukan dalam melaksanakan penanaman sawit.

Kata Kunci: kekangan, keutamaan, pengurusan .

**PRIORITIES AND CONSTRAINTS IN OIL PALM MANAGEMENT FACED OF
SMALLHOLDERS IN FELDA LOK HENG TIMUR, KOTA TINGGI, JOHOR**

ABSTRACT

A study was conducted in one of the Felda land settlement schemes that located at Zone Sedili Kecil of Kota Tinggi District, Johor which was the Felda Lok Heng Timur land settlement schemes. A total of fifty (50) smallholders from the land settlement schemes were selected as respondents, each comprised head of the family. The main objective of the research was to identify the main constraints and priorities in oil palm management faced and needed by oil palm smallholders under FELDA scheme's and to identify the relationship between the demographic characteristics of smallholders and their perception on the constraints they faced and the priorities needed to ensure the continuous production of oil palm as source of income for life. The study was conducted by cross sectional method. The process of data collection was conducted through questionnaire and the collected data were analyzed using descriptive statistic and the use of Spearman's rank and Kendall's tau correlation test. Spearman's rank and Kendall's tau correlation test was conducted. The results showed that the main constraint faced by smallholders was the low production of oil palm while the priority was access to good quality oil palm seeds that can help the smallholders to improve their production. For the relationships, analysis result showed that there were significant relationships between the demographic characteristics of smallholders and their perception on the constraints and priorities needed in their oil palm cultivation.

Keyword: constraints, priorities, management

ISI KANDUNGAN

Kandungan	Muka surat
TAJUK KAJIAN	<i>i</i>
PENGAKUAN	<i>ii</i>
DIPERAKUKAN OLEH	<i>iii</i>
PENGHARGAAN	<i>iv</i>
ABSTRAK	<i>v</i>
ABSTRACT	<i>vi</i>
ISI KANDUNGAN	<i>vii</i>
SENARAI JADUAL	<i>viii</i>
SENARAI RAJAH	<i>ix</i>
SENARAI SIMBOL, UNIT, SINGKATAN	<i>x</i>
 BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Justifikasi	1
1.3 Objektif	3
1.4 Soalan Kajian	4
	5
 BAB 2 ULASAN PERPUSTAKAAN	6
2.1 Industri Sawit di Malaysia	6
2.2 Pekebun Kecil Sawit	8
2.3 Sumber Maklumat Penanaman Sawit	10
2.4 Pengurusan Tanaman Sawit	11
2.5 Perkara Yang Menjadi Keutamaan Pekebun Kecil Dalam Pengurusan Tanaman Sawit	12
2.6 Kekangan-Kekangan Yang Dihadapi Pekebun Kecil Sawit	14
2.7 Hubungkait Latar Belakang Pekebun Kecil Sawit dengan Aspek Keutamaan dan Kekangan Pengurusan Sawit	15
 BAB 3 METODOLOGI	16
3.1 Lokasi Kajian	16
3.2 Populasi Dan Sampel Kajian	16
3.3 Reka Bentuk Kajian	17
3.4 Instrumen Kajian	17
3.4.1 Kekangan-Kekangan yang Dihadapi dalam Pengurusan Tanaman Sawit	18
3.4.2 Perkara-Perkara yang Menjadi Keutamaan Pekebun Kecil dalam Pengurusan Tanaman Sawit	19
3.4.3 Maklumat Latar Belakang Responden	19
3.5 Prosedur Kajian	20
3.5.1 Tinjauan Awal Lokasi Kajian	20
3.5.2 Pembentukan Instrumen Kajian	20
3.5.3 Mendapatkan Kesahihan Instrumen Kajian	20
3.5.4 Menjalankan Kajian Rintis	21

3.5.5 Mendapatkan Kebolehpercayaan Soalan Kajian	21
3.5.6 Modifikasi Instrumen Kajian dan Pengumpulan Data	22
3.6 Kaedah Analisis Data	22
 BAB 4 KEPUTUSAN	
4.1 Pengenalan	24
4.2 Statistik Deskriptif	24
4.2.1 Maklumat Demografi Responden	24
4.2.2 Maklumat Latar Belakang Ladang Sawit Para Responden di Felda Lok Heng Timur	26
4.2.3 Maklumat Aspek-Aspek yang Menjadi Keutamaan Para Responden di Felda Lok Heng Timur	27
4.2.4 Maklumat Kekangan-Kekangan yang Dihadapi oleh Responden	28
4.3 Hubungan Antara Latarbelakang Para Responden, Keutamaan dan Kekangan yang Dihadapi Dalam Pengurusan Tanaman	29
4.3.1 Ujian Kolerasi <i>Spearman's Rank</i>	30
4.3.2 Ujian <i>Kendall's tau</i>	30
 BAB 5 PERBINCANGAN	
5.1 Kekangan Yang Dihadapi oleh Para Peneroka di Felda Lok Heng Timur Dalam Pengurusan Tanaman Sawit	32
5.2 Keutamaan Yang Diperlukan Para Peneroka di Felda Lok Heng Timur Dalam Pengurusan Tanaman Sawit	34
5.3 Maklumat Latar Belakang Peneroka Sawit	35
5.4 Maklumat Latar Belakang Ladang Sawit Peneroka	37
5.5 Hubungan Antara Latar Belakang Peneroka, Kekangan Yang Dihadapi dan Keutamaan Yang Diperlukan Oleh Peneroka	38
 BAB 6 KESIMPULAN DAN CADANGAN	
6.1 Kesimpulan	40
6.2 Cadangan	42
6.3 Masalah dalam Kajian	42
 RUJUKAN	 43
LAMPIRAN	45

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
2.1 Pecahan kawasan tanaman sawit mengikut kategori	7
2.2 Pecahan kawasan penanaman sawit kategori pekebun kecil mengikut negeri	8
3.1 Penerangan bagi skala likert yang telah digunakan	18
4.1 Kekerapan dan peratusan maklumat latar belakang para peneroka sawit	26
4.2 Maklumat latar belakang ladang sawit milik peneroka Felda Lok Heng Timur	27
4.3 Min, sd dan kedudukan bagi aspek keutamaan	29
4.4 Skor min, kedudukan dan peratusan itemkekangan berdasarkan skala jenis Likert	30
4.5 Ujian kolerasi <i>spearman's rank</i> bagi umur	31
4.6 Ujian <i>kendall's tau</i> bagi pengalaman, keluasan ladang (berhasil) dan bilangan tanggungan terhadap kekangan dan keutamaan	32

SENARAI SIMBOL, UNIT DAN SINGKATAN

BTS	Buah Tandan Segar
CPO	Crude Palm Oil (Minyak Sawit Mentah)
FELCRA	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
Ha	Hektar
MPOB	Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan
NGO	Badan Bukan Kerajaan
OER	Oil Extraction Rate (Kadar Perahan Minyak)
RISDA	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah
RSPO	Roundtable on Sustainable Palm Oil
SPSS	Statistical Package for Social Science

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pendahuluan

Sawit (*Elaeis guineensis*) adalah satu tanaman jenis saka yang berasal dari kawasan hutan tropika Afrika Timur dan kemudian berkembang sehingga ke kawasan Afrika Selatan. Tanaman ini adalah salah satu komoditi pertanian utama bagi Negara Malaysia yang mana perkembangannya semakin pesat. Sebagai buktinya, industri minyak sawit Malaysia menjadi penyumbang ke-empat terbesar kepada negara selain industri perusahaan dan industri-industri lain. Disamping itu juga, Malaysia pernah menjadi pengeluar minyak sawit mentah terbesar di dunia dan dari segi kualiti, penghasilan minyak sawit dari Malaysia tetap unggul dan terbaik berbanding minyak sawit negara lain.

Disamping penghasilan sawit yang tinggi, penghasilan produk-produk hiliran turut meningkat seperti minyak masak bervitamin, sabun, produk kecantikan dan sebagainya. Secara umumnya, hasil pengeluaran dari industri sawit terdiri daripada tiga bentuk iaitu minyak cair, padat dan gas yang telah ditambah nilai menjadi satu produk yang sangat bernilai. Dengan peningkatan secara meluas, penanaman sawit ini membawa pembangunan yang amat diperlukan di kawasan luar bandar, dan telah menjadi tulang belakang ekonomi luar bandar.

Menurut edisi keluaran khas MPOB (Berita Harian, Mac 2013), industri sawit yang semakin berkembang pesat memberi sumbangan penting kepada pembangunan ekonomi negara. Kemajuan pesat ini adalah hasil daripada perancangan strategik Kerajaan dengan pembabitan pihak industri termasuk pekebun kecil sawit. Sebanyak 40 peratus kawasan tanaman sawit Negara diusahakan oleh pekebun kecil tersusun di

bawah agensi kerajaan dan pekebun kecil persendirian yang sekali gus membawa kesejahteraan ekonomi dan peningkatan taraf penduduk luar bandar. Kerajaan akan terus memberi penekanan kepada kemajuan sektor berdasarkan pertanian dan pembangunan sosioekonomi pekebun kecil yang berada di luar bandar.

Kini, terdapat lebih 290,000 pekebun kecil persendirian di bawah skim tanah kerajaan yang dikenali sebagai peneroka bergantung sepenuhnya terhadap hasil tanaman ini untuk kehidupan harian mereka. Hasil pendapatan daripada sawit membawa kesan penting dalam mengekalkan ketabilan sosioekonomi golongan ini. Selain itu, dengan kadar peningkatan permintaan pengeluaran minyak sawit pada masa ini telah memberikan peluang kepada pekebun-pekebun kecil sawit sama ada persendirian maupun berkelompok yang dikenali sebagai peneroka untuk meningkatkan lagi hasil pengeluaran minyak sawit mereka disamping dapat meningkatkan tahap pendapatan sekaligus kehidupan keluarga mereka.

Dalam usaha mereka meningkatkan kadar pengeluaran dengan mutu terbaik minyak sawit, terdapat beberapa keutamaan yang amat diperlukan oleh para peneroka yang mana akan dapat membantu mereka dalam memastikan hasil pengeluaran minyak sawit bermutu tinggi serta menepati piawaian kualiti terbaik. Keutamaan ini terdiri daripada pelbagai aspek daripada pengetahuan sehingga kewangan. Disamping itu, terdapat juga kekangan-kekangan yang dihadapi oleh mereka sepanjang mereka mengusahakan penanaman ladang sawit yang telah menyebabkan kadar pengeluaran lebih rendah dan tidak seragam antara setiap peneroka .

Kajian ini telah dilaksanakan di Felda Lok Heng yang terletak di Mukim Sedili Kecil di Daerah Kota Tinggi, Johor. Felda Lok Heng adalah salah sebuah skim pembangunan tanah yang diusahakan oleh Lembaga Pembangunan Tanah Persekutuan (FELDA). Ia telah dibuka pada tahun 1978 dengan keluasan tanah sebanyak 10 000 hektar. Ia termasuk didalam sebuah gugusan. Gugusan ini terdiri daripada tiga buah tanah rancangan peneroka Felda iaitu Felda Lok Heng Barat, Felda Lok Heng Timur dan Felda Lok Heng Selatan. Felda Lok Heng Barat dan Timur adalah kawasan-kawasan pembangunan tanah yang terawal dibangunkan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) Daerah Kota Tinggi. Sejarah awal penubuhan dan penamaan kawasan iaitu 'Lok Heng' berasal daripada perkataan Cina yang yang merujuk kepada suatu keadaan dan persekitaran kawasan yang sangat dipenuhi dengan hutan paya dan sangat mudah dinaiki air (Mohd Aizi, 2010). Pada tahun 1986,

FELDA telah membaikpulih dan membangunkan semula Felda Lok Heng sehingga ia menjadi sebuah gugusan yang tersusun dan strategik diantara felda berdekatan.

Tanaman sawit adalah tanaman utama yang diusahakan walaupun dalam keadaan sekeliling yang berpaya dan berbukit. Bagi kawasan berpaya, ia kurang sesuai disamping banjir yang sering berlaku telah menyebabkan tumbesaran pokok kelapa sawit sedikit terencat dan hasil yang diberikan biasanya akan merosot 50 hingga 60 peratus berbanding sawit yang ditanam di kawasan bukit (Mohd Aizi, 2010). Hal ini telah menyebabkan penghasilan sawit rendah berbanding yang lain dan ini pastinya mengurangkan hasil pendapatan keluarga tersebut.

Felda Lok Heng kini telah dilengkapi dengan pelbagai infrastruktur yang mana sedikit sebanyak dapat membantu dan memudahkan peneroka-peneroka dan penduduk tempatan menjalankan aktiviti harian mereka. Bagi kemudahan pengurusan sawit, Felda Lok Heng turut terdapat sebuah kompleks kilang pemprosesan buah sawit yang menjadi tumpuan utama bagi empat kawasan utama ladang sawit iaitu Felda Lok Heng Timur, Felda Lok Heng Barat, Felda Lok Heng Selatan dan PTPSB Papan Timur (TUV Rheinland, 2011).

1.2 Justifikasi

Satu kajian telah dilaksanakan di sebuah kawasan Felda di Daerah Kota Tinggi, Johor bagi mengetahui apakah keutamaan serta kekangan-kekangan yang dihadapi oleh para peneroka di kawasan tersebut. Kajian telah bermula dari akhir bulan Februari 2013 dan berakhir pada Disember 2013. Bagi proses tinjauan kajian ia telah dijalankan pada akhir bulan Jun sehingga awal bulan Julai 2013 di kawasan kajian.

Kawasan Felda Lok Heng bukanlah satu kawasan yang baru dengan penanaman sawit kerana ia telah dibangunkan semula dan dimajukan semenjak tahun 1986 lagi. Sawit merupakan tanaman utama bagi para peneroka di situ. Namun demikian, terdapat beberapa perkara yang menjadi halangan kepada peneroka tersebut dalam meningkatkan hasil tanaman sawit mereka. Hal ini menyebabkan kadar pertumbuhan dan peningkatan pengeluaran sawit diantara setiap peneroka adalah berbeza walaupun keluasan yang dipunyaip oleh mereka adalah lebih kurang sama. Menurut Laporan Pencapaian Januari-Julai 2013 Felda Lok Heng Timur, pencapaian pengeluaran hasil sawit Felda Lok Heng Timur dari bulan Januari hingga Julai 2013 telah merosot daripada hasil tahun 2012 iaitu sebanyak 1.07 t/ha. Antara masalah

yang telah dikenal pasti oleh pihak pengurusan FELDA adalah masalah kekurangan tenaga buruh.

Oleh hal demikian, kajian ini amat bersesuaian dijalankan terhadap para peneroka di Felda Lok Heng tambahan pula belum pernah kajian sebegini dijalankan keatas pekebun kecil tersusun di bawah agensi kerajaan seperti FELDA. Kajian ini telah merangkumi maklumat latar belakang para peneroka, kekangan-kekangan yang dihadapi yang telah menjadi penghalang utama terhadap pengeluaran hasil, keutamaan-keutamaan yang diperlukan oleh mereka bagi meningkatkan hasil. Selain itu, kajian ini adalah bertujuan untuk mengetahui tahap pengetahuan serta sumber maklumat yang diperolehi para peneroka felda mengenai cara pengurusan sawit yang sebenar.

Hasil penemuan dari kajian ini diharap akan dapat memberikan gambaran yang jelas kepada pihak yang berkaitan khususnya FELDA bagi merangka program-program yang dapat membantu para peneroka dalam menambah pengetahuan dalam pengurusan sawit dengan lebih berkesan dan seterusnya meningkatkan penghasilan. Disamping itu, diharapkan juga pihak-pihak yang sewajarnya dapat memberikan bantuan dari segi latihan kemahiran, teknologi dan kewangan bagi membantu melancarkan pengurusan sawit di Felda Lok Heng. Dalam erti kata lain, diharap dengan hasil kajian ini, pihak-pihak yang bertanggungjawab dapat menggunakan maklumat yang diperolehi dari kajian ini untuk lebih mengenalpasti keperluan-keperluan yang menjadi keutamaan serta dapat mengurangkan dan menyelesaikan kekangan-kekangan yang dihadapi oleh peneroka dalam meningkatkan kuantiti dan kualiti Buah Tandan Segar (BTS) sawit yang dihasilkan.

1.3 Objektif

Objektif kajian ini dijalankan adalah :

- a) Untuk mengenalpasti kekangan-kekangan yang dihadapi oleh para peneroka berkenaan dalam pengurusan sawit.
- b) Untuk mengkaji perkara-perkara yang menjadi keutamaan para peneroka di Daerah Kota Tinggi dalam pengurusan sawit.
- c) Untuk mengetahui ciri-ciri ataupun latar belakang para peneroka sawit di Felda Lok Heng, Kota Tinggi, Johor.

- d) Untuk mengenalpasti hubungkait antara maklumat latar belakang peneroka sawit di Felda Lok Heng dengan keutamaan dankekangan-kekangan yang dihadapi oleh mereka dalam pengurusan sawit

1.4 Soalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif-objektif kajian, kajian tinjauan ini diharap akan dapat memberikan jawapan kepada soalan-soalan kajian berikut :

- a) Apakah taburan umur para responden?
- b) Apakah taraf pendidikan para responden? Adakah ia memberi kesan terhadap tahap kekangan dan keutamaan yang diperlukan oleh para peneroka?
- c) Perkara apakah yang menjadi keutamaan para responden dalam pengurusan tanaman sawit?
- d) Apakah jenis kekangan yang utama dihadapi oleh para responden? Adakah kekangan tersebut bersesuaian dengan kajian-kajian terdahulu dan apakah yang telah menyebabkan wujudnya kekangan tersebut dikalangan peneroka?
- e) Adakah terdapat hubungan antara maklumat latar belakang para peneroka felda dengan keutamaan dan kekangan yang dihadapi oleh mereka ?Adakah ia bersesuaian dengan hasil kajian-kajian terdahulu?

BAB 2

ULASAN PERPUSTAKAAN

2.1 Industri Sawit Di Malaysia

Sawit (*Elaeis guineensis*) berasal dari Afrika Barat dan kemudiannya disebarluaskan ke Selatan Amerika dan Asia pada kurun ke 16 dan 17. Industri sawit Malaysia dan Indonesia bermula apabila empat anak benih dari Afrika ditanam di Taman Botani Bogor, Indonesia pada 1848. Benih dari Bogor ini kemudiannya ditanam di tepi-tepi jalan sebagai tanaman hiasan di Deli, Sumatera pada 1870-an dan di Rantau Panjang, Kuala Selangor pada 1911-1912 (Whitemore, 1973). Di Taman Botani Bogor yang terletak di Bogor, Indonesia terdapat pohon sawit tertua di Asia Tenggara yang berasal dari Afrika.

Menurut Brown dan Jacobson (2005), Indonesia dan Malaysia merupakan dua buah negara yang menjadi pengeluar terbesar sawit dunia dengan merangkumi hampir 83 % hasil pengeluaran dunia dan 89% hasil eksport dunia. Menurut Anyawu *et al.* (1982), tanaman sawit merupakan tanaman yang mempunyai nilai ekonomi yang penting di kawasan Tropika.

Di Malaysia industri sawit telah bermula pada tahun 1917 apabila Ladang Tenmaran di Kuala Selangor ditanam dengan benih dura Deli dari Rantau Panjang. Apabila pewarisan bentuk buah difahami, penanaman komersil beralih daripada bahan Dura kepada kacukan Dura X Pisifera (D x P). Kacukan D x P menghasilkan buah Tenera. Penanaman ladang menggunakan bahan D x P berlaku secara mendadak pada awal 1960-an apabila FELDA membuka tanah rancangan secara besar-besaran.

Sawit adalah satu sektor terbesar yang diusahakan secara meluas di Malaysia disebabkan oleh nilai komersialnya di peringkat dunia berbanding tanaman lain seperti

getah, koko ataupun tembakau. Ia adalah tanaman versatil kerana hampir semua bahagian pokok ini sangat berguna dan mempunyai nilai ekonominya yang tersendiri. Hampir semua kawasan dipenuhi dengan tanaman sawit.

Dinyatakan oleh MPOB (2011), permulaan keluasan kawasan tanaman sawit pada tahun 1985 ialah 1.5 juta hektar (ha) dan kini telah bertambah dengan jumlah keluasan kawasan tanaman pada tahun 2011 adalah seluas 4.917 juta ha. Jadual 2.1 memaparkan pecahan kawasan penanaman bagi setiap negeri. Negeri Johor adalah pecahan kawasan tanaman terbesar di Semenanjung Malaysia dengan keluasan sebanyak 721,145 ha dan di Malaysia Negeri Sabah mendominasi keluasan penanaman sawit iaitu seluas 1,431,762 ha.

Sawit ditanam pada ketumpatan kira-kira 138 pokok per hektar. Bilangan Buah Tandan Segar (BTS) yang terhasil adalah dalam lingkungan 25 hingga 36 ton per hektar dan ia bergantung kepada keadaan tanah, suhu dan faktor lain (Agamuthu, 1995). Dari hasil kajian terdahulu menyatakan bahawa di Malaysia Negeri Johor merupakan penyumbang terbesar hasil sawit dalam negara dengan keluasan kawasan sebanyak 150,808 hektar (ha) (Ayat *et al.*, 2008).

Menurut laporan Rancangan Malaysia Ke Sembilan (2006-2010), RMK-9 melaporkan bahawa pengeluaran minyak sawit mentah (CPO) meningkat dengan kadar purata 6.7 peratus setahun berikutan peningkatan hasil, kadar perahan minyak (OER) yang lebih tinggi, perluasan kawasan matang serta harga minyak sawit yang lebih tinggi . Industri minyak sawit mendapat manfaat daripada kekurangan bekalan minyak dan lelemak sayuran di pasaran dunia yang menyebabkan harga minyak sawit mencapai paras tertinggi RM1,610 satu tan metrik dalam tempoh Rancangan.

Jadual 2.1 Pecahan Kawasan Tanaman Sawit Mengikut Kategori : 2010 & 2011 (Hektar)

Kategori	2010		2011	
	Ha	%	Ha	%
Ladang Swasta	2,934,519	60.5	3,037,468	60.7
Skim Kerajaan:				
FELDA	705,574	14.5	703,027	14.1
FELCRA	162,556	3.4	162,259	3.2
RISDA	78,791	1.6	79,743	1.6
Skim Negeri	320,941	6.6	319,786	6.4
Pekebun Kecil	651,385	13.4	697,826	14.0
Total	4,853,766	100.00	5,000,109	100.00

Sumber : MPOB 2011

Jadual 2.2 Pecahan Kawasan Penanaman Sawit Kategori Pekebun Kecil Mengikut Negeri (2011)

NEGERI	PEKEBUN KECIL PERSENDIRIAN	FELDA	FELCRA	RISDA	SKIM NEGERI
Johor	202,692	127,992	20,510	4,529	39,730
Perak	99,800	24,558	31,287	18,832	18,781
Sabah	176,858	110,557	15,252	0	83,239
Selangor	38,732	7,526	3,907	294	1,424
Pahang	36,757	298,959	32,857	23,462	62,761
Sarawak	71,857	7,517	23,097	0	79,963
Kedah	21,546	717	1,065	1,210	2,569
N.Sembilan	19,662	45,767	7,220	9,573	271
Melaka	9,516	2,460	2,595	1,593	0
P. Pinang	8,550	0	512	25	0
Terengganu	8,381	42,117	21,176	19,045	10,458
Kelantan	3,400	34,763	2,637	1,180	20,590
Perlis	57	94	144	0	0
Total (ha)	697,826	703,027	162,259	79,743	319,786

Sumber: MPOB 2011

2.2 Pekebun Kecil Sawit

Di Malaysia, pekebun kecil sawit dapat diklasifikasikan kepada tiga kumpulan yang mana ketiga-tiga kumpulan mempunyai satu ciri persamaan iaitu perusahaan mereka adalah berdasarkan keluarga dan mereka mempunyai ladang yang berkeluasan kurang daripada 50 hektar (Vermeulen dan Goad, 2006). Definisi daripada *Roundtable on Sustainable Palm Oil* (RSPO) adalah sama dimana pekebun kecil ditakrifkan sebagai mereka yang bekerja di kawasan perladangan yang berkeluasan kurang daripada 50 hektar (ha), tetapi di Malaysia terma pekebun kecil adalah mereka yang mempunyai keluasan tanah kurang dari 100 ekar atau 40.46 hektar (ha).

Majalah Lembaga Sawit Malaysia (Mac, 2013) menyatakan bahawa pekebun kecil bukan satu kelompok yang minor tetapi ia menjadi tunjang utama kerana Malaysia dan Indonesia adalah dua buah negara yang bertanggungjawab keatas hampir 80% penghasilan minyak sawit dunia. Para pekebun kecil dari kedua-dua buah negara tersebut telah menjadi penyumbang 35-40 % daripada keseluruhan kawasan yang ditanam dengan kelapa sawit dengan pengeluaran hasil sebanyak 33%. Bagi negara lain seperti negara-negara di Afrika Barat, keutamaan daripada penghasilan kelapa sawit hanyalah untuk kegunaan domestik dan pasaran biasa dengan penghasilan daripada pekebun kecil hampir 90% bagi setiap tuaian tahunan (MPOB, 2013).

Golongan pertama bagi pekebun kecil adalah golongan pekebun kecil yang mendapat bantuan secara langsung daripada pihak kerajaan mahupun pihak sektor swasta. Kebiasaannya, golongan ini terikat dengan perjanjian kontrak, kewangan ataupun perancangan ke atas sesetengah kilang sawit. Mereka mendapat kuasa yang terhad dalam menentukan jenis tanaman yang akan ditanam serta akan sentiasa dipantau secara berkala dari segi penanaman, pengurusan tanaman dan diatur oleh skim yang diikuti (RSPO, 2009). Pekebun kecil daripada golongan ini akan mendapat bantuan secara keseluruhan setelah mereka membuat perjanjian dengan pihak tersebut. Antara bantuan yang akan diperolehi adalah anak pokok, baja, racun serangga serta mendapat bantuan daripada para juruteknik pertanian (Teoh, 2010., Vermeulen dan Goad, 2006). Kesemua pekebun kecil ini akan berada dibawah perancangan skim pembangunan pertanian seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) (Wild Asia, 2012).

Bagi golongan kedua pula, mereka adalah golongan yang tidak mendapat bantuan daripada mana-mana pihak badan kerajaan mahupun sektor swasta dan mengusahakan sendiri ladang sawit mereka. Hasil yang diperolehi oleh mereka dijual terus kepada kilang sawit tempatan ataupun melalui orang tengah yang bertanggungjawab menguruskan penjualan Buah Tandan Segar (BTS) mereka. Golongan ini berdiri atas kaki sendiri dalam menanam, mengurus tanaman, sumber kewangan dan mereka mempunyai kuasa sendiri bagi menetapkan jenis tanaman apa yang ingin ditanam di tanah mereka. Mereka juga tidak terikat dengan mana-mana kilang sawit dan berhak untuk memilih kilang yang terbaik. Walaupun begitu, mereka masih layak menerima khidmat nasihat daripada pegawai pengembangan serta mendapatkan bantuan sokongan daripada agensi kerajaan (RSPO, 2009).

Golongan yang ketiga adalah golongan yang mengusahakan tanaman sawit tetapi bukan atas tanah sendiri sebaliknya mereka menyewa tanah hak milik orang lain. Golongan ini mempunyai ciri-ciri yang hampir sama dengan golongan pekebun kecil kedua. Mereka hanya dibezakan oleh hak milik tanah dimana golongan ketiga tidak mempunyai tanah sendiri dan menyewa daripada pihak lain yang tidak dapat mengusahakan sendiri tanah mereka.

Di Malaysia, sektor sawit mengupah 590,000 buruh termasuk buruh import dari Indonesia dan 35% penghasilan adalah daripada pekebun kecil (NEAC, 2009). Di

Indonesia pula, 45% dari penghasilan keseluruhan sawit disumbangkan oleh pekebun kecil (RSPO, 2011). Ini jelas menunjukkan berapa pentingnya peranan pekebun kecil dalam penghasilan sawit negara dan dunia.

Kajian dari Soyebo *et al.* (2005) mendapati bahawa majoriti petani berada didalam lingkungan umur yang aktif iaitu 31 hingga 60 tahun. Dapat dilihat terdapat penglibatan wanita sebagai pekebun kecil kerana disebabkan oleh kematian pasangan serta migrasi untuk mendapatkan kawasan ragut yang baru menyebabkan golongan ini terpaksa memikul satu tanggungjawab yang berat sebagai ketua keluarga. Kajian Norlin (2013) dan Soyebo *et al.* (2005) turut menyatakan bahawa majoriti mereka yang terlibat dalam pertanian adalah mereka yang telah berkahwin. Pengkaji telah menjangkakan kerana golongan yang berkahwin perlu bekerja untuk menampung keperluan isi rumah.

Selain kajian Soyebo *et al.* (2005), terdapat juga kajian lain iaitu Dimelu dan Anyaiwe (2011) dan Ibitoye *et al.* (2011) yang menyatakan bahawa majoriti pekebun kecil dalam kajian mereka berumur didalam lingkungan 50 tahun dan keatas. Kenyataan ini turut disokong oleh Ekong (2003) dan Solomon (1994). Selain itu, majoriti pekebun kecil mempunyai keluasan tanaman kurang daripada 10 ha. Bagi taraf pendidikan, sebahagian besar responden mereka mempunyai taraf pendidikan sehingga ke Institut Pendidikan Tinggi (IPT) dan sekolah menengah.

2.3 Sumber Maklumat Penanaman Sawit

Dalam menghasilkan satu sistem penanaman sawit yang proaktif, beberapa aspek perlu diambil kira oleh seorang pekebun kecil. Aspek yang utama yang perlu ada ialah sumber maklumat dalam pengurusan kelapa sawit. Seorang pekebun kecil tidak dapat memulakan tanaman mereka tanpa mengetahui serta mendapatkan khidmat nasihat daripada mereka yang arif mengenai pengurusan penanaman agar hasil yang akan dituai kelak berkualiti lantaran mengikut spesifikasi yang telah dirancang (Norlin, 2013).

Antara pihak yang dapat menyediakan khidmat dan menyalurkan sumber maklumat mengenai sawit adalah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). MPOB adalah sebuah agensi kerajaan yang diberikan mandat kerana kredibiliti mereka yang tinggi terhadap pengurusan sawit. Mengikut panduan penanaman MPOB, satu hektar

kawasan penanaman sawit mampu menghasilkan sebanyak 3.7 tan dalam sebulan mengikut kadar purata penghasilan sawit (Basiron, 2007). Selain daripada MPOB, para pekebun kecil boleh juga mendapatkan maklumat dan khidmat nasihat mengenai penanaman sawit daripada para pekebun kecil lain yang telah berjaya, pusat-pusat penyelidikan sawit, Badan Bukan Kerajaan (NGO), Persatuan Pekebun Kecil Sawit, Persatuan Peladang Daerah, FELDA, FELCRA, RISDA, pembekal input-input pertanian, media massa, pengurus pertanian dan para Juruteknik Pertanian (Dimelu dan Anyaiwe, 2011).

2.4 Pengurusan Tanaman Sawit

Dalam sesuatu organisasi, pengurusan adalah perkara utama yang akan dititikberatkan oleh semua pihak kerana ia adalah cerminan bagi individu-individu yang terlibat di organisasi tersebut. Ini turut berlaku ke atas para pekebun kecil dimana pengurusan yang baik adalah cerminan bagi hasil pengeluaran mereka. Berita Harian (2011), ada melaporkan bahawa kegagalan daripada pihak pekebun kecil didalam mengurus tanaman sawit mereka menjadi punca utama penghasilan Buah Tandan Segar (BTS) yang mereka perolehi adalah lebih rendah berbanding pihak lain.

Hal ini berlaku kerana pekebun kecil masih tidak menyedari bahawa sistem pengurusan yang berkualiti dan teratur akan menjamin hasil pengeluaran yang lebih tinggi daripada biasa. Perkara ini dilihat daripada cara pembajaan yang dilakukan oleh pekebun kecil yang mana sepatutnya kekerapan bagi pembajaan perlu dilakukan 3 hingga 5 kali (minima) setahun bagi anak pokok muda dan 2 hingga 3 kali pusingan bagi pokok sawit yang telah matang. Selain kekerapan pembajaan, kawalan rumpai turut diutamakan dimana kawalan rumpai bagi pokok muda adalah 5 hingga 6 pusingan dan 2 pusingan bagi pokok matang dalam setahun. Jika pengurusan pembajaan dan kawalan rumpai tidak dapat diurus dengan baik ia akan memberi kesan terhadap hasil pengeluaran disamping ia akan mengganggu kadar tumbesaran pokok sawit tersebut. Selain itu, pembuangan pelepasan sawit perlu diutamakan dimana ketika menuai buah sawit pastikan terdapat satu pelepasan lain yang akan menyokong penghasilan buah tandan sawit yang akan matang bagi pusingan seterusnya. Jika tidak dititikberatkan ia akan menyebabkan buah mudah untuk jatuh. Kecekapan dalam proses penuaian buah sawit serta pengumpulan buah lerai adalah penting bagi membantu peningkatan hasil pengeluaran sawit (Norlin, 2013).

2.5 Perkara Yang Menjadi Keutamaan Pekebun Kecil Dalam Pengurusan Tanaman Sawit

Menurut kajian lepas yang telah dilaksanakan oleh Dimelu dan Anyaiwe (2011) mendapati terdapat beberapa perkara yang menjadi keutamaan para pekebun kecil sawit. Beliau turut menyenaraikan hampir 15 pilihan keutamaan bagi pekebun kecil sawit berdasarkan keadaan yang dikaji dan diambil kira. Kesemua keutamaan-keutamaan ini lebih menjurus kepada keperluan-keperluan para pekebun kecil dalam menguruskan perusahaan sawit yang mereka ceburi ini.

Daripada 15 perkara keutamaan kajian Dimelu dan Anyaiwe (2011), akses kepada kredit untuk meningkatkan keluasan tanaman dan tapak baru penanaman menjadi aspek utama kepada para pekebun kecil. Ini kerana bagi meningkatkan hasil pengeluaran sawit bagi seorang pekebun kecil ia turut berkait rapat dengan keluasan tanah yang diperolehi untuk melaksanakan perusahaan tanaman kelapa sawit ini. Aspek ini telah menjadi keutamaan yang terpenting bagi para pekebun kecil dengan menduduki tempat pertama dalam pengenalpastian perkara-perkara yang menjadi keutamaan para pekebun kecil sawit.

Menurut kajian Dimelu dan Anyaiwe (2011) dan Fauzi *et al.* (2012), selain akses kepada kredit menjadi keutamaan, akses kepada benih sawit yang berkualiti turut menjadi keutamaan para pekebun kecil. Benih sawit yang telah diperbaiki genetiknya melalui penyelidikan-penyelidikan bagi mendapatkan benih sawit yang lebih rintang terhadap penyakit dan mempunyai ketahanan yang lebih baik jika ditanam dikawasan yang kurang sesuai untuk pertumbuhan sawit. Selain itu, benih sawit tersebut dapat mengeluarkan hasil yang lebih bermutu dan tinggi kadar perahan minyak. Akses benih sawit berkualiti ini menjadi tunjang utama kepada sektor penanaman sawit kerana ia akan memberikan kesan terhadap tahap pengeluaran buah sawit dimana jika benih sawit yang tidak berkualiti dibekalkan kepada pekebun kecil, tahap pengeluaran akan merosot dan ia akan memberikan kesan yang sangat besar terhadap taraf kehidupan para pekebun kecil. Namun jika dengan hanya menanam biji benih sawit yang berkualiti tetapi tanpa mengambil kira aspek pengurusan tanaman ia turut akan menjaskan taraf ekonomi pekebun kecil tersebut.

Disamping itu, keperluan akses kepada input pertanian seperti racun serangga, baja pokok juga menjadi keutamaan kepada pekebun kecil sawit (Dimelu dan Anyaiwe,

kawasan ke kawasan pengumpulan tandan sawit dan penuaian. Dengan ini, kos dapat dikurangkan secara tidak langsung (Ming dan Chandramohan, 2002).

Selain itu, antara perkara-perkara lain adalah dari segi aspek pengetahuan dan kemahiran mereka dalam latihan kecekapan pengendalian ladang sawit, teknik pengurusan kewangan yang teratur, kawalan penyakit dan serangga dan sebagainya. Perkara-perkara ini adalah penting dan memerlukan pemantauan secara berterusan agar pengurusan yang dilaksanakan berjalan lancar dan teratur disamping dapat meningkatkan kemahiran dalam setiap diri pekebun kecil. Bagi pengurusan kewangan, ia adalah penting bagi mengetahui tahap dan prestasi pengeluaran kelapa sawit. Dengan pengurusan kewangan yang baik ia akan memudahkan urusan yang melibatkan pihak bank ataupun kewangan lain. Dari aspek kemahiran, latihan yang mencukupi perlu diberikan kepada pekebun kecil agar tidak menyebabkan kerugian dan penurunan dalam pengusahaan yang mereka laksanakan (Dimelu dan Anyaiwe, 2011).

2.6 Kekangan-Kekangan Yang Dihadapi Pekebun Kecil Sawit

Bagi kekangan yang dihadapi oleh pekebun kecil, kajian yang dilaksanakan oleh Dimelu dan Anyaiwe (2011), menyatakan bahawa terdapat tiga kumpulan utama yang menjadi penghalang kepada pekebun kecil sawit iaitu infrastruktur, polisi dan dasar-dasar yang ditetapkan dan masalah yang berkaitan dengan kewangan dan modal. Dari halangan yang melibatkan infrastruktur antaranya adalah kekurangan komunikasi dengan Juruteknik Pertanian, kemudahan pasaran dan pengangkutan yang kurang memuaskan dan kekurangan tanah.

Menurut kajian lain yang dilakukan oleh Papenfus (2000), halangan utama kepada pengeluaran pekebun kecil adalah kurang akses kepada pasaran semasa, kekurangan pengetahuan-pengetahuan teknikal lantaran khidmat Juruteknik Pertanian yang kurang memuaskan. Dengan wujudnya keadaan pasaran yang stabil dan cekap serta kemudahan pengangkutan yang baik akan meningkatkan penghasilan sawit pekebun kecil. Kedua-dua faktor ini memberikan kesan terus kepada pulangan kewangan pekebun kecil.

Halangan seterusnya iaitu faktor kewangan dan modal, ia berhubungan dengan kekurangan sumber kewangan , kemudahan pinjaman yang tidak mencukupi, modal

RUJUKAN

- Abd. Rahim, M. N. 2009. *Statistical Method in Research*. Malaysia: Prentice Hall
- Ajayi, M. T. dan Solomom, O. 2010. Introduction of Extension Contact and Farmers' Socio Economic Characteristics on Adoption of Oil Palm Technologies in Aniocha North Local Government, Delta State, Nigeria. *Journal of Agriculture, Science and Technology* **12(2)**
- Allen, M. J. dan Yen, W. M. 1979. *Introduction to Measurement Theory*. Monterey: CA Brook Publisher
- Anyawu, A. C., Anyawu, B. O. dan Anyawu, V. A. 1982. *A Textbook of Agriculture for School Certificate*. 4th Edition, Nsukka, Nigeria: Africana Educational Publishers Ltd
- Ayat K. Ab Rahman, Ramli Abdullah, Faizah Mohd Shariff, Mohd Arif Simoh, 2008. The Malaysian Palm Oil Supply Chain: The Role of Independent Smallholder. *Oil Palm Industry Economic Journal* **8 (2)**: 17-27.
- Banmeke, T. O. A. dan Omoregbee, F. E. 2009. Farmers's Perception of the Factors Militating Against Rubber Production in Edo and Delta States of Nigeria. *International Journal of Agricultural Economics and Rural Development* Vol. **2 (2)**
- Basiron, Y., 2007. Palm Oil Production Through Sustainable plantations. *Europe Journal Lipid Science Technology*. **109**:289-295
- Bordens, K. S. dan Abbott, B. B. 2006. *Research Design and Methods: A Process Approach*. 6th Edition. New York: Oxford University Press
- Brown, E. and M. F. Jacobson, 2005. *Cruel Oil, How Palm Oil Harm Health, Rainforest and Wildlife*. Center for Science in the Public Interest. USA.
- Dimelu, M.U. dan Anyaiwe, V., 2011. Priorities of Smallholder Oil Palm Producers in Ika Local Government Area of Delta State: Implication for Agricultural Extension Service in Nigeria, *World Journal of Agricultural Sciences* **7 (2)**: 117-123
- Doraisamy, G. S. 2007. *Hubungan Tekanan Kerja dan Kepuasan Kerja dengan Komitmen Terhadap Organisasi: Satu Kajian di Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Malaysia*. Disertasi Ijazah Sarjana Sains. Universiti Utara Malaysia
- Ekong, E. 2003. *An Introduction to Sociology*. Jumak Publication: Ibadan
- Fauzi Hussin, Hussin Abdullah dan Siti Hadijah Che Mat, 2012. Peranan KESEDAR Dalam Pembangunan Tanah di Daerah Gua Musang: Isu dan Pencapaian Tahap Sosioekonomi Peneroka, *Prosiding PERKEM VII, JILID 2*: 1287-1294.
- FSG Social Impact Advisors. *Improving the Livelihoods of Palm Oil Smallholders : the Role of the Private Sector*. International Finance Corporation.
- Hair, J. F., Money, A. H., Samouel, P. dan Page, M. 2007. *Research Method for Business*. England: John Wiley & Sons, Ltd
- Ibitoye, O.O., Akinsorotan, A. O., Meludu, N. T. dan Ibitoye, B. O. 2011. Factors Affecting Oil Palm Production in Ondo State of Nigeria. *Journal of Agriculture and Social Research (JASR)* Vol. **11 (1)**
- Ismail, A., Simeh, M. A. dan Noor, M. M. 2003. The Production cost of oil palm fresh fruit bunches: The case of independent smallholders in Johor. *Oil Palm Economic Journal* **3(1)**:1-7
- Ming, K. K dan Chandramohan, D., 2002. Malaysian Palm Oil Industry at Crossroads and its Future Directions. *Oil Palm Industry Economic Journal* Volume **2(2)**
- Mohd Aizi Bin Hashim, 2010. Laman Web Komuniti Desa: Felda Lok Heng Johor Darul Ta'zim
<http://telecentre.my/feldalokheng/index.php/en/general-information.html>
- Mohd. Najib Abdul Ghafar, 1999. "Penyelidikan Pendidikan". Johor: Universiti Teknologi Malaysia

- Mostafa, K., Martin M., dan Harm, B.2007. Course Experiences and Perceptions of farmers in Esfahan as a Basis For a Competency Profile of Extension Instructors. *Journal of Agricultural Education* **48 (2)** : 79-91
- MPOB. 2009. Malaysia Palm Oil Board
- MPOB. 2011. Malaysia Oil Palm Board
- National Economic Advisory Council (NEAC). 2009. New Economic Model for Malaysia Part 1
http://www.pmo.gov.my/documenattached/NEM_Report_I.pdf. 193pp.
 Akses pada 25 November 2013.
- Norland Tiburg, E. V. 1990. Controlling Error in Evaluation Instrument. *Journal of Extension* **28(2)**
- Noor Asmawati Abdul Samad, 2013. MPOB Buka Pejabat Baru di Beluran. *Berita Sawit :MPOB Menjana Perubahan Industri Sawit*, 2 Mac, 4
- Norlin Bunawau, 2013. *Keutamaan-Keutamaan Para Pekebun Kecil Sawit dan Kekangan-Kekangan Yang Dihadapi Oleh Mereka Dalam Pengurusan Penanaman Sawit di Daerah Pitas, Sabah*. Disertasi Sarjana Muda Sains Pertanian. Universiti Malaysia Sabah.
- Pafenfus, M.M., 2000. Investing in Oil Palms : An Analysis of Independent Smallholder Oil Palm Adoption in Sumatra, Indonesia, Southeast Asia. Policy Research working Paper. pp.19.
- Pallant, J. 2011. SPSS Survival Manual: A Step by Step Guide to Data Analysis Using SPSS. 4th edition. Australia: Midland Typesetters
- Rancangan Malaysia Ke Sembilan (2006-2010). Bab 03 : Memperkasa Pertanian Dan Industri Berasaskan Pertanian
<http://www3.pmo.gov.my/RancanganWeb/Rancangan1.nsf/vAllDoc/44D4374905CB6A96482571AA0003D007>
- Ruwena Tindik, 2010. *Kajian ke Atas Keperluan-Keperluan Latihan Oleh Para Peserta Skim Penempatan Getah Tulid di Daerah Keningau, Sabah*. Disertasi Sarjana Muda Sains Pertanian. Universiti Malaysia Sabah.
- Samsubaha Jantan, 2013. Laporan Pencapaian Januari-Julai 2013 : Felda Lok Heng Timur
- Sawit, 2012. Pembangunan Peladang (Blogspot)
<http://pembangunanladang.blogspot.com>. Akses pada 12 Mei 2013.
- Schuessler, K. 1971. *Analyzing social data*. Boston: Houghton Mifflin.
- Solomon, O. 1994. *Gander Analysis of Oil Palm Production and Processing in Okiti-pupa area of Ondo State, Nigeria*. An unpublished MSc Thesis submitted to the Department of agricultural Extension and Rural Development, University of Ibadan, Ibadan pp52
- Soyebo, K.O., Farinde, A.J. dan Dionco-Adetayo, E.D., 2005. Constraints of Oil Palm Production in Ife Central Local Government Area of Osun State, Nigeria. *Journal Social Science*, **10 (1)**: 55-59
- Teoh Cheng Hai, 2002. *THE PALM OIL INDUSTRY IN MALAYSIA: From Seed to Frying Pan*. Prepared for WWF Switzerland
- Vermeulen, S. dan Goad, N., 2006. *Towards Better Practice in Smallholder Palm Oil Production*. Natural Resources Issues Series No. 5. International Institute for Environment and Development (iied).
- Wild Asia (Malaysia), 2012. *A Review of Smallholder Oil Palm Production, Challenges and Opportunities for Enhancing Sustainability. A Malaysian Perspective*.
- ZSL Living Conservation: Sustainable Palm Oil Platform
<http://www.sustainablepalmoil.org/growers/millers/growers/smallholders/>